



## NOTIS SEKATAN EKSPORT BAGI BEBERAPA SPESIS IKAN TERPILIH DARI 1 JANUARI 2020 SEHINGGA 28 FEBRUARI 2020

---

1. Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani melalui Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia akan melaksanakan arahan sekatan bagi pengeksporan beberapa spesis ikan terpilih ke luar Negara.
2. Kaedah 5(3), Kaedah-Kaedah Pemasaran Ikan 2010, Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia, "Lembaga boleh menentukan kualiti, kuantiti dan jenis ikan yang hendak diekspor atau diimport".
3. Jika didapati mana-mana pengeksporan ikan yang mengekspor ikan yang tidak dibenarkan dalam tempoh tersebut, adalah menjadi satu kesalahan di bawah Kaedah-kaedah Pemasaran Ikan 2010 dan boleh dikenakan di bawah Seksyen 17(1) dan 17(2), Akta Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia 1971 iaitu:-

Seksyen 17(1) – Dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi 2 tahun atau didenda tidak melebihi lima belas ribu ringgit (RM15,000) atau kedua-duanya.

Seksyen 17(2) – Didenda tidak melebihi dua puluh lima ribu ringgit (RM25,000)

4. Spesis ikan terpilih yang dilarang bagi pengeksporan adalah seperti berikut:-

**i. Ikan Kembong**

**ii. Ikan Selar**

**iii. Ikan Pelaling**

**iv. Ikan Bawal**

**v. Udang (Tangkapan)**

5. Spesis ikan segar/basah dan sejuk beku (*frozen*) adalah tidak dibenarkan di eksport dalam tempoh sekatan.

Dengan Perintah,

KETUA PENGARAH

LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA